

14 FEB 1997

## FILIPINA HENDAKLAH LEBIH BERHATI-HATI DALAM MENYEDIAKAN DOKUMEN TAWARAN

Oleh: Siti Hawa Othman

SINGAPURA, 14 Feb (Bernama) -- Filipina telah memberi jaminan kepada para pelabur Malaysia bahawa mereka dialu-alukan melabur di negara itu dan di samping itu kerajaannya akan lebih memilih dan berhati-hati dalam menyediakan dokumen-dokumen tawaran untuk mengelakkan berulangnya peristiwa "Manila Hotel".

Menteri Luar Negeri Filipina, Domingo L Siazon Jr memberitahu pemberita Malaysia di sini hari ini bahawa dasar pelaburan masih kekal walaupun terdapat peristiwa itu yang membabitkan perintah mahkamah yang membatalkan tawaran yang memihak kepada Renong Bhd untuk saham di dalam hotel berkenaan dan memberikannya kepada sebuah kumpulan Filipina di bawah dasar "Rakyat Filipina didahulukan."

"Negara kami menggalakkan pelaburan asing dan akan terus memberikan peluang sama rata di dalam perkara ini," kata Siazon, yang sebelum itu mengadakan perbincangan dengan Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi mengenai perjanjian-perjanjian jaminan pelaburan dan cukai berganda. Kedua-duanya menghadiri Mesyuarat Peringkat Menteri ke-12 Asean-Kesatuan Eropah di sini.

"Kami tidak akan menghadkan jualan aset negara kami yang terbuka kepada pelaburan asing berikutan peristiwa itu tetapi kami akan lebih berhati-hati dalam menyediakan dokumen tawaran supaya ia jelas daripada peringkat awal lagi," katanya.

Beliau yang mengakui terdapat sedikit kecacatan di dalam tawaran itu, berkatanya: "Kami sepatutnya bersedia jika terdapat sesuatu isu... mesti ada isyarat pada peringkat awal. Daripada pengalaman ini pihak kami mesti berhati-hati dalam menyediakan dokumen ini."

Berikutan peristiwa itu yang digolongkan sebagai "kes istimewa", Siazon berkata para pelabur haruslah lebih berhati-hati apabila membeli sesuatu aset yang berkepentingan sejarah.

Renong memasuki Filipina untuk membeli hotel itu berikutan langkah kerajaan menjual aset kawalan negaranya untuk meningkatkan kedudukan kewangan dan menghapuskan subsidi yang mahal.

Tetapi tawarannya yang berjaya dihapuskan apabila Mahkamah Agung mengisytiharkan tidak sah jualan 51 peratus kepentingan di dalam Manila Hotel itu kepada Renong Overseas Corp. Sdn Bhd, sebuah syarikat yang berada di bawah kumpulan Renong.

Mahkamah Agung memutuskan dengan keputusan berbelah-bahagi 11-4 bahawa Manila Hotel dianggap sebagai sebahagian daripada warisan negara dan oleh itu tidak boleh dijual.

Bagaimanapun, pendirian kerajaan Filipina adalah bahawa aset itu terbuka untuk jualan walaupun kepada bukan warga Filipina.

"Tetapi kes itu kami kalah dan Presiden Fidel Ramos mengarahkan supaya merayu," kata Siazon, sambil menambah kata bahawa terdapat pendapat yang mengkritik keputusan itu.

Katanya Filipina mempunyai satu sistem di mana terdapat pengasingan kuasa antara badan kehakiman dan perundangan. "Oleh itu kami tidak boleh menggunakan kuasa pentadbiran presiden ke atas mahkamah," tambahnya.

Berikutan dengan itu, katanya terdapat kemungkinan bahawa perubahan akan dibuat di dalam perlembagaan agar peranan pihak kehakiman daripada segi pengaruh aktiviti-aktiviti ekonomi, mungkin dapat ditafsirkan dengan jelas.

"...jadi, pada masa akan datang kami tidak mengulangi peristiwa ini,"

kata Siazon.

Katanya beberapa pihak dalam perundangan (Kongres) sedang mencuba memperkenalkan perundangan baru itu.

"Kini terdapat perbahasan dikaitkan dengan perlanjutan mandat Presiden," tambahnya.

Siazon berkata memang dapat difahami Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad patut menyatakan pendapatnya mengenai peristiwa itu kerana banyak pelabur Malaysia telah melabur di Filipina dan beberapa rancangan sedang dirancang.

Katanya walaupun terdapat peristiwa itu, namun Filipina akan meneruskan penjualan aset-aset kendalian negara termasuk National Power Corp. yang telah menarik banyak minat daripada para pelabur asing. -- BERNAMA

SHO OS MA